

01/10/2001

Umno terangkan kepada komponen BN: Khalil

KUANTAN, Ahad - Umno akan memberi penerangan dan penjelasan kepada ahli komponen Barisan Nasional (BN) mengenai kedudukan Islam dalam konteks di Malaysia.

Usaha berkenaan adalah selaras dengan pengumuman secara terbuka yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Siri penerangan dan penjelasan yang berlandaskan kepada apa yang sudah diumumkan Dr Mahathir itu tidak semestinya diadakan di sesuatu majlis penerangan, malah boleh dilakukan dalam pertemuan secara tidak formal, terutama dengan ahli komponen parti.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata berdasarkan reaksi pemimpin parti komponen BN semalam, mereka menerima Malaysia sebagai negara Islam, kerana masih boleh mengamalkan agama yang dianuti masing-masing.

"Bagi pihak Umno, apa yang kita lakukan ialah untuk menegakkan kedudukan agama Islam daripada konteks pentadbiran, perundangan bagi orang Islam dan bukan Islam di negara ini, supaya dapat diterima dan difahamkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menutup karnival sukaneka Kemas Bandar Indera Mahkota di sini, petang ini.

Selain itu, katanya, pengakuan DAP bahawa konsep negara Islam yang diperkenalkan Umno lebih toleran membuktikan tidak wujud sebarang masalah di kalangan masyarakat bukan Islam berhubung Malaysia sebagai negara Islam.

Penasihat Seumur Hidup DAP, Dr Chen Man Hin dalam temu bual dengan akhbar Mingguan Malaysia hari ini dilaporkan berkata jika dibandingkan idea negara Islam ala-Pas dan negara Islam yang didirikan Umno, konsep yang diperkenalkan Umno lebih toleran dan boleh diterima bukan Islam.

(END)